

November 7, 2023

FPHP BULLETIN HOT & TOUR

NEWSLETTER VOL. 2/2023

"Together, We Make it Great!"

FPHP 2023 EVENTS & ACTIVITIES

ACADEMIC TRIP TO UNESCO WORLD
HERITAGE SITE IN GEORGETOWN, PENANG

Knowledge Transfer on Food and Beverage
Industry by Mandarin Hotel Doha, Qatar

Kursus Etika di Meja Makan

2023 HIGHLIGHTS

HADRAH 7.0

PERTANDINGAN

'BATTLE OF EMPOWER BARISTA ART'

Afternoon Tea: A Timeless Tradition
(HTP283- Cafe Service Operation)



Faculty of Hotel & Tourism Management

Universiti Teknologi MARA

Cawangan Pulau Pinang

13500 Permatang Pauh, PENANG

Tel: 04 3823888 Fax: 04 3823861

HOT & TOUR NEWSLETTER

NOV. VOL. 2/2023

<https://anyflip.com/homepage/oistf>

https://is.gd/fphpnewsletter_penanguitm

ISSN 2231-7422

FPHP BULLETIN HOT&TOUR NEWSLETTER

VOL. 2 2023 NOVEMBER ISSUE

Pg 15

Lawatan Akademik Program HTM400 Ecoescape : Pearl of The Orient

Oleh: Fadhlina Mahat, Ferial Farook, Arnieyantie Abdul Hadi (Dr.) & Irina Mohd. Akhir

20 Mei 2023- Satu siri lawatan akademik bagi kod kursus HTM400 telah dijalankan bersama pelajar-pelajar dari kumpulan PHM2401A1 dan 1A2 yang terdiri dari 20 orang pelajar beserta pegawai pengiring yang terdiri dari pensyarah HTM400 iaitu Puan Fadhlina dan Cik Ferial. Objektif lawatan ini adalah bagi memenuhi keperluan silibus, menyempurnakan tugas para pelajar untuk dibentangkan nanti dan juga untuk pembelajaran luar bilik kuliah.

Dalam siri lawatan bagi kumpulan ini, pelajar telah berbincang bersama pensyarah dan telah memutuskan untuk memfokuskan skop lawatan hanya di dalam negeri Pulau Pinang seperti yang telah disarankan oleh pihak Hal Ehwal Akademik, UiTM Cawangan Pulau Pinang. Tempat dipilih adalah di The Habitat, Bukit Bendera kerana ia merupakan tarikan baru di Pulau Pinang.



Events Highlights

Sepanjang berada di Bukit Bendera, pelajar memulakan aktiviti di The Habitat. Untuk ke sini, pelajar-pelajar dan pengunjung-pengunjung lain perlu berjalan sedikit untuk sampai ke pintu masuk utama The Habitat. Pengunjung yang ingin masuk, kaunter tiket berada di pintu masuk The Habitat. Menurut sumber dari The Habitat, tempat ini juga diberi nama Denai Alam Semulajadi. Denai yang dibina sepanjang 1.6 km ini diibaratkan sebagai sempadan kepada hutan simpan kekal bukit kerajaan yang berusia 130 juta tahun. Hutan simpan kekal ini telah diwartakan pada tahun 1911 dan ia merupakan hutan tertua di negara ini.

Ketika menjejaskan kaki di denai ini, pengunjung akan mendengar kicauan burung, bunyi tupai, dan haiwan lain seperti Monyet Daun Senja (*Dusky Leaf Monkey*). Monyet ini merupakan spesies yang jarang ditemui. Disamping merasai udara segar sambil meneroka alam sekitar, pengunjung turut dapat menikmati hutan belantara sebenar dan mengenali spesies flora dan fauna yang terdapat di sepanjang denai.



Faculty of Hotel & Tourism Management
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Pulau Pinang
Permatang Pauh Campus
13500 Permatang Pauh
PENANG
Tel:04 3823888/fax:04 3823681

HOT & TOUR NEWSLETTER
NOV. VOL. 2/2023

<https://anyflip.com/homepage/oistf>
https://is.gd/fphpnewsletter_penanguitm

ISSN 2231-7422

Read More On

FPHP BULLETIN HOT&TOUR NEWSLETTER

Pg 16

VOL. 2 2023 NOVEMBER ISSUE

Cara terbaik untuk menikmati keindahan alam di sini adalah dengan berjalan perlahan-lahan tanpa tergesa-gesa kerana anda akan terlepas melihat apa yang tersedia di depan mata anda. Inilah yang saya pesan kepada pelajar-pelajar supaya menikmati dengan sepuas-sepuasnya sepanjang lawatan ini.

Selain itu terdapat papan kenyataan yang menyediakan keterangan mengenai spesies dan tumbuh-tumbuhan yang ada di hutan belantara ini termasuklah papan tanda yang menerangkan terdapatnya spesies merbahaya seperti zon sarang labah-labah tarantula. Menarik bukan? kerana apa yang saya boleh kongsi di sini bahawa setiap lengkok denai yang dilewati menjanjikan pemandangan yang berbeza di kiri dan kanan. Ada waktunya kita disajikan pemandangan pokok besar yang tinggi melangit, ada kalanya bukit-bukau saujana mata memandang dan hamparan lautan biru yang sungguh indah. Saya juga mengingatkan pelajar-pelajar untuk merakamkan sebanyak mungkin gambar-gambar sebagai kenangan berkunjung di hutan belantara yang sungguh mendamaikan dan jauh dari kesibukan bandar walaupun sebenarnya tidaklah jauh mana lokasi hutan ini dengan bandaraya.

Antara tarikan-tarikan utama di sini yang membuatkan pelajar-pelajar saya teruja adalah laluan jambatan yang merentasi hutan sepanjang 230 meter yang diberi nama Langur Way Canopy Walk. Pelajar-pelajar saya turut merasai pengalaman menaiki tangga setinggi bangunan empat tingkat untuk menyusuri Curtis Crest Tree Top Walk iaitu jalanan kanopi di puncak bukit. Kunjungan anda tidak lengkap sekiranya tidak menyusuri Crest Tree Top Walk yang diberi nama sempena ahli botani Inggeris Charles Curtis. Setelah tiba di atas, pengunjung dapat menikmati pemandangan panorama 360 darjah yang sungguh menakjubkan dari atas dan sekali lagi saya tekankan, luangkanlah masa di sini sebaiknya kerana pengalaman yang anda dapati di sini ialah suatu pengalaman yang cukup indah dan tidak mengecewakan.



Faculty of Hotel & Tourism Management
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Pulau Pinang
Permatang Pauh Campus
13500 Permatang Pauh
PENANG
Tel:04 3823888/fax:04 3823681

HOT & TOUR NEWSLETTER
NOV. VOL. 2/2023

<https://anyflip.com/homepage/oistf>
https://is.gd/fphpnewsletter_penanguitm

Read More On

ISSN 2231-7422